

KHUTBAH JUMAAT
“SIHAT TANPA ROKOK DAN VAPE”
(1 Ogos 2025M/ 7 Safar 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon, berbual-bual dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '***Sihat Tanpa Rokok Dan Vape***'.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Pada hari ini, mimbar ini ingin mengetuk pintu hati kita dengan satu peringatan yang tidak boleh lagi kita pandang ringan iaitu bahaya

merokok dan vape yang kini mengancam ummah, khususnya anak-anak muda kita.

Perbuatan merokok dan menghisap vape bukan sekadar tabiat, tetapi perangkap syaitan yang perlahan-lahan menghakis kesihatan, kewarasan dan keimanan. Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2022 menunjukkan peningkatan yang membimbangkan penggunaan vape dalam kalangan remaja daripada 9.8% pada tahun 2017 kepada 14.9% pada tahun 2022. Adakah kita mahu melihat generasi pewaris negara ini menjadi lemah tubuh, lemah jiwa dan lemah cita-cita akibat ketagihan terhadap nikotin daripada penggunaan produk merokok ini? Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ۚ وَأَحْسِنُوا ۚ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ (١٩٥)

Maksudnya: *Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) ugama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*

Ayat tadi jelas menegaskan agar kita tidak melakukan perkara yang boleh menjerumuskan diri kita ke dalam kebinasaan. Merokok dan vape, dengan segala bahan kimia berbahaya yang terkandung di dalamnya, secara terang-terangan menjerumuskan diri kita kepada

pelbagai penyakit kronik. Bayangkanlah paru-paru yang sihat, dirosakkan oleh tar, nikotin, dan ribuan bahan toksik lain. Jantung menjadi lemah, risiko kanser meningkat berkali ganda, dan pelbagai penyakit pernafasan menghantui hidup. Adakah ini yang kita inginkan untuk diri sendiri dan orang yang kita sayangi?

Lebih membimbangkan, rokok dan vape bukan sahaja memudaratkan diri perokok, bahkan turut memberi kesan buruk kepada orang di sekeliling melalui "asap sekunder" atau "second hand smoke". Anak-anak kecil, isteri, dan ahli keluarga terpaksa menghirup udara yang tercemar dan meningkatkan risiko mereka untuk mendapat penyakit akibat pendedahan kepada asap rokok atau wap vape. Bukankah ini satu bentuk kezaliman terhadap orang yang tidak berdosa?

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berkaitan dengan hal ini, Jawatankuasa Fatwa Sarawak telah memutuskan bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam kerana padanya terdapat kemudaratkan pada kesihatan dan pembaziran pada perbelanjaan. Manakala bagi rokok elektronik pula, Jawatankuasa Fatwa Sarawak juga telah memutuskan bahawa Hukum Rokok Elektronik dan Vape adalah haram di sisi syarak kerana ianya jelas menyalahi 'maqasid syar'iiyyah' iaitu memudaratkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta termasuk dalam perkara keji.

Ketetapan fatwa-fatwa tersebut berdasarkan dalil-dalil syarak yang melarang sesuatu yang memudaratkan diri dan harta. Merokok adalah perbuatan membazirkan harta pada perkara yang sia-sia dan membawa mudarat. Daripada Abu Said al-Khudri *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ))

Maksudnya: *Tidak boleh melakukan sesuatu yang berbahaya dan menimbulkan bahaya bagi orang lain.*

(Hadis riwayat Imam Ibnu Majah)

Menyedari akan ancaman besar ini, Kerajaan Malaysia telah mengambil langkah proaktif demi melindungi kesihatan awam, terutamanya generasi muda dengan menggubal Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] yang telah mula dikuatkuasakan pada 1 Oktober 2024. Akta ini merupakan satu akta yang komprehensif, bertujuan untuk mengawal selia semua jenis produk merokok termasuk rokok konvensional dan rokok elektronik atau vape.

Bagi memperkukuhkan penguatkuasaan Akta 852, satu operasi iaitu Operasi Selamat Paru-Paru atau Ops Selamat PaPa akan dilancarkan secara meluas pada hari ini di seluruh negara. Pelancaran Ops Selamat PaPa akan melibatkan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Operasi ini bukan sekadar kempen, tetapi satu usaha penguatkuasaan bersepadu yang memfokuskan kepada dua aspek penting:

Pertama: Kawalan terhadap produk merokok, termasuk pendaftaran, pengiklanan, promosi dan tajaan, kawalan penjualan, kawalan harga, pembungkusan dan pelabelan semua jenis produk merokok termasuk rokok elektronik atau vape;

Kedua: Penguatkuasaan terhadap amalan merokok merangkumi Seksyen 16 dan 17 Akta 852 yang berkaitan dengan larangan merokok di kawasan larangan dan larangan merokok bagi individu bawah umur.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pelaksanaan Akta ini dan Ops Selamat PaPa adalah seruan hati nurani kerajaan untuk menyelamatkan generasi kita daripada cengkaman ketagihan yang merosakkan. Ia adalah manifestasi keprihatinan terhadap masa depan anak bangsa. Bayangkan, berapa ramai anak muda yang boleh diselamatkan daripada menderita penyakit akibat penggunaan produk merokok di usia muda jika kita berjaya mencegah mereka daripada merokok dan vape? Berapa banyak keluarga yang boleh hidup lebih bahagia tanpa beban penyakit dan perbelanjaan perubatan yang tinggi?

Tanggungjawab ini bukan sahaja terletak di bahu kerajaan, tetapi ia adalah tanggungjawab kita semua. Sebagai ibu bapa, awasi anak-anak kita. Berikan pendidikan yang sewajarnya tentang bahaya merokok dan vape. Sebagai masyarakat, beranilah menegur dan melaporkan sekiranya melihat penjualan produk ini kepada golongan

di bawah umur. Jangan biarkan anak-anak kita menjadi mangsa budaya ketagihan yang merosakkan.

Marilah kita bersama-sama menyokong inisiatif murni ini. Jadikanlah setiap teguran dan tindakan kita sebagai jihad kecil demi menjaga kesihatan ummah. Lindungi paru-paru kita, lindungi paru-paru anak-anak kita. Ini adalah amanah Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Setiap tahun, dianggarkan 24,100 nyawa rakyat Malaysia terkorban akibat penyakit berkaitan amalan merokok. Angka ini sangat memilukan kerana kematian ini bukan sekadar angka, tetapi adalah kehilangan insan, kehilangan ayah, ibu, anak dan saudara yang disayangi.

Maka apatah lagi jika produk merbahaya ini meragut ribuan nyawa saban tahun. Adakah kita mahu terus membisu melihat kematian demi kematian berlaku akibat rokok? Sedangkan satu nyawa pun amat besar nilainya di sisi Allah *subhanahu wata'ala*."

Kaum muslimin yang berbahagia,

Sebagai penutup khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil iktibar daripada peringatan tentang bahaya merokok dan vape. Semoga ia menggerakkan hati kita untuk menjauhi kemudaratan ini dan menjadi contoh yang baik kepada ahli keluarga dan masyarakat. Sokongan kita terhadap Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852] dan Ops Selamat PaPa adalah bukti keprihatinan kita terhadap masa depan generasi akan datang.

Marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Israa', ayat 26-27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَعَاتِ ذَا الْقُرْبَىٰ حَقَّهُ، وَالْمِسْكِينَ وَابْنَ السَّبِيلِ وَلَا تُبَذِّرْ تَبْذِيرًا (٢٦)
إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ ۖ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ كَفُورًا (٢٧)

Maksudnya: *Dan berikanlah kepada kerabatmu, dan orang miskin serta orang musafir akan haknya masing-masing; dan janganlah engkau membelanjakan hartamu dengan boros yang melampau. Sesungguhnya orang yang boros itu adalah saudara-saudara Syaitan, sedang Syaitan itu pula adalah makhluk yang sangat kufur kepada Tuhannya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita terus mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis ilmu. Perkukuhkanlah perpaduan dengan saling menghormati dan mengasihi dalam kalangan masyarakat demi kestabilan, kemakmuran dan keharmonian di Sarawak. Pastikan rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ أَمِنَ الْحَلَالِ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ))

Maksudnya: Akan datang kepada manusia suatu zaman di mana seseorang tidak peduli apa yang dia ambil, apakah dari hasil yang halal atau yang haram.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Selain itu, kita hendaklah bersungguh-sungguh menghindarkan diri dan ahli keluarga daripada terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan perjudian, agar kehidupan kita selamat, bahagia dan sejahtera.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan, keamanan, keselesaan dan kemenangan dalam menghadapi musuh yang sentiasa mengganggu mereka. Angkatkanlah dan hilangkanlah daripada mereka bala bencana, kesedihan, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Wahai Tuhan Yang Maha Pemberi Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibu bapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami daripada melakukan rasuah dan sifat terkeji yang menyeleweng daripada undang-undang negara. Jauhilah kami dan keturunan kami daripada penyalahgunaan dadah. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti, berintegriti serta terbilang demi mencapai negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! pertahankan perpaduan dan kesatuan kami dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam seluruh nilai kehidupan kami. Limpahkanlah pada kami nikmat keselamatan, keafiatan, kelapangan dan ketenangan hidup serta hindarilah kami daripada segala musibah, wabak penyakit dan segala perkara yang tidak diingini.

رَبَّنَا أُنْتَ فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.